

2,470 graduan terima ijazah, diploma dan sijil sempena Istiadat Konvokesyen PUO ke-50

Details

Saloma

Komuniti (/pi/index.php/komuniti.html)

25 August 2022

Hits: 102



IPOH: Seramai 2,470 graduan menerima ijazah, diploma dan sijil kemahiran khas pada Istiadat Konvokesyen Politeknik Ungku Omar (PUO) ke-50 di sini, bermula 22 hingga 26 Ogos.

Konvokesyen yang kali pertama dijalankan secara bersemuka di Dewan Jubli PUO selepas pandemik itu, menyaksikan seramai 2,417 graduan daripada peringkat diploma, 50 Ijazah Sarjana Muda dan tiga untuk sijil.

Unit Komunikasi Korporat PUO menerusi kenyataan pada Rabu memaklumkan, graduan terbabit merupakan mereka yang telah menamatkan pengajian pada sesi Disember 2020 dan sesi Jun 2021.

Ia meliputi program diploma dan sijil manakala sesi Mac 2021 dan September 2021 bagi program Ijazah Sarjana Muda.

Waris Datuk Dr Ungku Omar Ahmad yang juga merangkap Pengarah Urusan Newton International College, Ungku Shamsun N'har Ungku Omar hadir menyempurnakan penganugerahan pada sidang pertama majlis istiadat.